


Membersihkan Terminal Bateri 12 V

1. Tanggalkan bateri 12 V. ➤ MS. 83
2. Jika terminal bateri telah mula mengalami hakisan dan terlekat dengan bahan putih, sila bersihkan dengan air suam dan lapkannya dengan bersih.
3. Jika terminal bateri telah terhakis dengan teruk, bersihkan dan gilapkannya dengan berus wayar atau kertas pasir. Sila pakai pelindung mata.



4. Pasangkan kembali bateri 12 V selepas pembersihan.

Bateri 12 V mempunyai jangka hayat yang terhad. Dapatkan nasihat daripada wakil pengedar sah anda apabila harus menggantikan bateri 12 V. Pastikan anda gantinya dengan bateri 12 V baru tanpa perlu penyelenggaraan yang berjenis sama.

NOTIS

Pemasangan aksesori elektrik bukan Honda mungkin akan membebankan sistem elektrik, merosakkan bateri 12 V dan sistem elektrik secara menyeluruh.

Fius

Fius memberi perlindungan kepada litar elektrik skuter anda. Jika sesuatu bahagian elektrik pada skuter anda tidak berfungsi, sila periksa dan gantikan fius jika perlu. ➤ MS. 127

Periksa Dan Menggantikan Fius

Putarkan suis penghidup ke posisi **O** (Off) untuk menanggalkan dan memeriksa fius. Jikalau fius telah terbakar, gantinya dengan yang baru dengan taraf nilai yang sama. Untuk penarafan fius, rujuk "Spesifikasi" ➤ MS. 146

Fius yang terbakar

